

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH DARURAT (BAYARAN PERKHIDMATAN PENUMPANG
LAPANGAN TERBANG), 1999**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Bayaran perkhidmatan penumpang.
3. Pengecualian dari bayaran perkhidmatan penumpang.
4. Pindaan Jadual.
5. Aturan-Aturan.

JADUAL

Bil. S 25

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH DARURAT (BAYARAN PERKHIDMATAN PENUMPANG
 LAPANGAN TERBANG), 1999**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Bayaran Perkhidmatan Penumpang Lapangan Terbang), 1999 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Mei, 1999.

Gelaran,
 permulaan
 kuatkuasa dan
 gelaran
 panjang.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk membuat peruntukan bagi pembayaran suatu bayaran perkhidmatan oleh penumpang-penumpang lapangan terbang".

2. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan sebaliknya dalam Perintah ini, suatu bayaran perkhidmatan penumpang hendaklah kena dibayar pada kadar-kadar yang dinyatakan dalam Jadual oleh tiap-tiap penumpang yang menaiki sesebuah pesawat terbang yang berlepas dari lapangan terbang ke suatu destinasi di luar Negara Brunei Darussalam.

Bayaran
 perkhidmatan
 penumpang.
 Jadual.

(2) Dalam ceraian (1), "lapangan terbang" bermakna suatu lapangan terbang, aerodrom atau tempat pendaratan di Negara Brunei Darussalam, yang dippunyai dan dikendalikan oleh Kerajaan.

3. Orang-orang yang berikut adalah dikecualikan dari membayar bayaran perkhidmatan penumpang yang disebutkan dalam bab 2 –

Pengecualian
 dari bayaran
 perkhidmatan
 penumpang.

(a) mana-mana anggota krew pengendali sebarang pesawat terbang;

(b) mana-mana penumpang yang menaiki sebarang jenis pesawat terbang yang berikut –

(i) pesawat terbang tentera Negara Brunei Darussalam;

(ii) pesawat terbang tentera British yang digunakan bagi maksud-maksud tentera;

(iii) pesawat terbang diplomatik asing yang terlibat dalam misi diplomatik atau konsul ke Negara Brunei Darussalam;

- {iv} pesawat terbang yang terlibat dalam tugas atau latihan mencari dan menyelamat;
 - {v} pesawat terbang khas yang dijalankan oleh mana-mana Kelab Penerbangan yang dibenarkan bagi maksud Perintah ini oleh Pengarah Penerbangan Awam jika penerbangan sebelum pendaratan atau berikutan dengan perlepasan, mengikut mana yang berkenaan, bukan dijalankan untuk sewa atau upah atau bagi sebarang maksud selain dari penerbangan untuk kelab itu;
 - {vi} pesawat terbang atau jenis pesawat terbang lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Menteri;
- [c] mana-mana penumpang dalam perjalanan melalui Negara Brunei Darussalam yang tidak meninggalkan kawasan persinggahan atau yang meninggalkan kawasan persinggahan kerana sebarang gangguan penerbangan yang berpunca dari sebarang kelewatan di luar kawalan penumpang atau pengendalian syarikat penerbangan yang berkenaan;
- [d] anak damit yang berumur dua tahun ke bawah;
- {e} penumpang atau golongan penumpang lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Menteri.

Pindaan Jadual. 4. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah meminda Jadual.

Aturan-Aturan. 5. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan untuk menguatkuasakan matlamat-matlamat dan maksud-maksud Perintah ini dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

	JADUAL	(bab 2)
(1)	Penumpang-penumpang yang berlepas ke destinasi-destinasi di dalam kawasan BIMP EAGA	\$5.00
(2)	Penumpang-penumpang yang berlepas ke destinasi-destinasi lain	\$12.00

Diperbuat pada hari ini 24 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 10 haribulan Mei, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM